

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Umat Islam adalah bersaudara dan digambarkan bagaikan sebuah bangunan yang saling sokong menyokong sesama mereka. Penzahiran persaudaraan itu bukan semata-mata dalam bentuk pertolongan dari segi tenaga atau bantuan lain, malah Islam mengajar umatnya supaya tolol menolong dan bantu membantu dalam bentuk wang dan harta benda. Bantuan dan pemberian wang dan harta benda ini bukan kerana mahukan sesuatu dari manusia tetapi kerana mahukan keredaan Allah. Oleh itu selain zakat, hibah dan sebagainya, umat Islam akan berkongsi harta kekayaannya dengan orang lain melalui berwakaf.

Wakaf merupakan satu amalan sunat dan digalakkan serta menjadi wajib dilaksanakan apabila dibuat dengan wasiat. Oleh kerana umat Islam muhun berwakaf kerana mahukan keredaan Allah, maka wakaf merupakan satu mekanisme perkongsian harta kekayaan seseorang dengan orang lain. Dalam ekonomi, wujudnya golongan yang mengagih semula harta kekayaan kepada orang lain, sangat penting kerana ia boleh membantu mencapai pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Secara amnya, harta wakaf merupakan harta keagamaan yang bersifat abadi (*perpetual*) untuk kesejahteraan umat mengikut ketetapan-ketetapan syariat dan menjadi sedekah jariah bagi pewakaf (*waqif*). Ini sesuai dengan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Abu Hurayrah:<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Abu Dawud Sulayman Ibn al-Asy'ath (t.t), *Sunan Abi Dawud*, Juz 3, Kitab al –Wasaya, Bab ma ja'a fi al-Sadaqah 'an al-Mayyit, no. hadith 2880 (Beirut: Där al-Fikri), 177.

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ صَدَقَةٍ حَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُتَّسَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ  
صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.

*“Apabila seseorang manusia itu meninggal dunia maka terputuslah amalnya melainkan daripada tiga perkara sahaja, iaitu sedekah jariah, ilmu yang dapat diambil kemanfaatan daripadanya dan anak yang soleh yang akan mendoakan untuknya.”*

Harta wakaf mempunyai fungsi kesejahteraan yang meluas bagi mencapai keperluan-keperluan sosioekonomi dan tuntutan umat disamping berfungsi sebagai suatu cara hidup berjamaah dalam Islam yang mencantumkan fungsi-fungsi sosioekonomi dan realisasi *ukhuwwah islamiyyah (ta’awun)*. Konsep kesejahteraan itu sendiri menekankan kepada keinginan bermanfaat yang bersifat fizikal, material, psikis dan akhirat (*eschatology*).<sup>2</sup> Di antara fungsi kesejahteraan wakaf ialah untuk membangun masyarakat dan pendidikan sepetimana yang telah berlaku di berbagai negara yang telah berjaya dalam pengurusan dan pentadbiran wakaf sehingga wakaf dapat berperanan sesuai dengan tujuan daripada amalan wakaf itu sendiri bagi masyarakat.

Dalam sejarah Islam, amalan berlumba-lumba dalam wakaf telah pun wujud sejak zaman Rasulullah saw. Amalan berwakaf ini pada kebanyakannya bertujuan untuk penyediaan kemudahan awam, kemudahan pendidikan, perkhidmatan sosial, bahkan amalan wakaf ini telah berjaya menghantarkan umat ini mencapai kejayaannya dalam pelbagai aspek. Telah wujud ribuan sekolah, kolej perubatan, institusi-institusi pendidikan dan universiti-universiti di negara Timur Tengah, Turki, Algeria, dan di pelbagai negara Islam yang dibangunkan, dikembangkan dan dibiayai oleh wakaf.<sup>3</sup>

<sup>2</sup> Kamaruddin Ngah, *Isu Pembangunan Tanah Wakaf* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 1.

<sup>3</sup> Gabriel Baer, “The Waqf as a Prop for the Social System (Sixteenth-Twentieth Centuries)”, *Islamic Law and Society*, Vol. 4, No. 3, *Islamic Law and Society* (1997), 264-297.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Aceh merupakan sebuah provinsi yang telah menerapkan syariat Islam di Republik Indonesia. Merujuk kepada sejarah, Aceh dahulu merupakan sebuah kerajaan Islam. Islam telah menjadi pandangan dan cara hidup masyarakat Aceh, ajaran-ajaran Islam telah lama menjadi amalan, di antaranya amalan berwakaf. Wakaf yang diamalkan oleh kebanyakan masyarakat Aceh ialah wakaf tanah untuk pembinaan masjid, surau, institusi pendidikan dayah dan pelbagai kemudahan awam lainnya.

Dayah merupakan institusi pendidikan Islam yang telah pun ada pada masa awal kedatangan Islam ke Aceh. Masyarakat Aceh pada masa dulu berlumba-lumba untuk mewakafkan hartanya untuk dibina institusi pendidikan dayah. Sehingga dayah-dayah tersebut masih lagi wujud hingga kepada hari ini.

Institusi pendidikan dayah di Aceh merupakan salah satu institusi pendidikan yang dibiayai dari harta wakaf. Amalan wakaf telah menjadi adat dalam kehidupan masyarakat Aceh.<sup>4</sup> Antara dayah-dayah di Aceh yang pernah mencapai kejayaannya adalah Dayah Manyang<sup>5</sup>Jami' Baiturrahman (abad 16-18M), yang terletak di ibu negara Kerajaan Aceh Darussalam di mana ia sering disebut dengan "al-Azhar kecil" kerana mempunyai harta wakaf yang sangat banyak.<sup>6</sup> Raja-raja Aceh pada masa itu memberikan tumpuan khas kepada pendidikan dayah. Pada masa itu, dayah telah mempunyai pentadbiran yang baik sehingga dayah telah mempunyai peranan dalam menghapuskan buta huruf di Aceh.<sup>7</sup> Seiring runtuhnya kerajaan Aceh, Dayah Manyang

---

<sup>4</sup>Moehammad Hoesin, *Adat Atjeh*, (Banda Aceh: Dinas Pendidikan dan Kebudajaan Propinsi Daerah Istimewa Atjeh, 1970), 144.

<sup>5</sup>Dayah Manyang pada masa itu merupakan institusi pendidikan setingkat universiti pada zaman sekarang  
<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Dhuhri, S., "Dayah dalam tiga Phase Perkembangan: Menelaah Pendidikan Berbasis Perubahan Sosial yang telah punah", *Jurnal Sarwah IX STAIN Malikussaleh*, 2006. 151-167.

pun seakan hilang, dan bekasnya kini yang bersisa adalah masjid Baiturrahman Banda Aceh. Dayah seumpama Dayah Manyang tidak lagi wujud pada zaman sekarang kerana pelbagai faktor, namun dayah-dayah yang lain masih lagi wujud hingga sekarang.

Institusi pendidikan dayah di Aceh mempunyai tiga peranan utama dalam masyarakat, iaitu sebagai lembaga pendidikan Islam, sebagai lembaga dakwah, dan sebagai lembaga pembangunan masyarakat.<sup>8</sup> Oleh kerana sejarah wakaf telah wujud lama dalam kehidupan masyarakat Aceh, dan telah berperanan dalam pembangunan masyarakat melalui pembangunan institusi-institusi pendidikan dayah, maka dalam kajian ini pengkaji ingin mengetahui sejauhmana wakaf berperanan dalam pembiayaan pendidikan di Aceh.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Wakaf di Aceh telah wujud seiring Islam datang mewarnai corak kehidupan masyarakat Aceh. Amalan berwakaf telah menjadi adat dalam kehidupan masyarakat Aceh. Wakaf mempunyai peranan penting dalam menyediakan pelbagai kemudahan awam. Secara tradisinya wakaf di Aceh adalah dalam bentuk tanah, masjid dan *meunasah*<sup>9</sup> serta institusi pendidikan Islam dan peralatannya sekali. Oleh kerana itu, sehingga kini terdapat banyak tanah-tanah wakaf di Aceh. Berdasarkan data dari pihak Kementerian Agama Provinsi Aceh tahun 2012 terdapat 24,898 lokasi tanah wakaf di seluruh Aceh dengan luas 767,825,948,094 m<sup>2</sup>.<sup>10</sup>

---

<sup>8</sup> Muntasir (2011), “Dayah Manyang MUDI Masjid Raya: Upaya Menyahuti Tuntutan Perubahan dalam Sistem Pendidikan Dayah di Aceh” (Kertas Kerja Aceh Development International Conference di UKM Bangi, Malaysia, 26-18 Mac 2011).

<sup>9</sup> *Meunasah* adalah asal perkataannya dari ‘*madrasah*’ yang wujud di setiap kampung di Aceh, ia sebagai tempat shalat, pendidikan dan pusat aktiviti masyarakat di kampung selain masjid.

<sup>10</sup> Data Pengembangan Pensijilan Tanah Wakaf Provinsi Aceh, Departemen Agama Wilayah Aceh, 2013.

Dalam sejarah Aceh, institusi dayah dibina dan dikembangkan dengan harta wakaf. Dayah telah memberikan sumbangan yang sangat besar dalam kejayaan Aceh. Tujuan didirikan institusi dayah pada awalnya adalah untuk melahirkan ulama, sultan, menteri, qadi dan pakar dalam pelbagai aspek yang diperlukan oleh kerajaan pada masa itu.<sup>11</sup> Selain daripada Dayah Manyang, terdapat banyak dayah yang tersohor di Aceh. Antaranya adalah Dayah Cot Kala (abad 10M) yang merupakan institusi pendidikan Islam terawal di Asia Tenggara. Kemunduran institusi dayah dimulai abad 19M ketika berlakunya penjajahan ke atas Aceh, semenjak saat itu dayah hanya mengajarkan subjek-subjek agama sahaja. Namun dayah telah menjadi bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan masyarakat Aceh sebagai institusi pendidikan Islam, dan jumlahnya semakin banyak.

Dayah pada masa kini tengah berusaha untuk kembali sepertimana Dayah Cot Kala dan Dayah Manyang Baiturrahman yang telah mampu memberikan khidmat terbaik untuk semua aspek keilmuan. Namun langkah ke arah itu tidak berjalan sepertimana yang diharapkan, kerana banyak faktor. Antaranya ialah institusi pendidikan dayah pada masa ini mengalami kesulitan sumber dana, di mana ia hanya bergantung kepada bantuan daripada kerajaan, yuran pengajian pelajar serta infaq masyarakat sehingga institusi pendidikan dayah tidak dapat memberikan khidmat yang lebih baik kepada pelajar, guru-guru dan masyarakat. Berdasarkan sejarah peradaban Islam, terdapat banyak institusi-institusi pendidikan Islam dibina, dikembangkan dengan harta wakaf, dan ia masih mampu memberikan khidmat terbaik dalam bidang pendidikan sepertimana universiti al-Azhar, Pondok Pesantren Darussalam Gontor Ponorogo, bahkan institusi pendidikan di dunia Barat seperti Harvard, Oxford juga dibangun dan dikembangkan

---

<sup>11</sup>Dhuhri, S., "Dayah dalam tiga Phase Perkembangan: Menelaah Pendidikan Berbasis Perubahan Sosial yang telah punah", 161.

dengan konsep wakaf yang lebih dikenal dengan ‘*endowment*’. Institusi-institusi tersebut masih lagi kekal hingga hari ini dan terus berkembang dengan aset wakaf.

Berdasarkan peranan dan sumbangan wakaf dalam membiayai pendidikan, maka kajian ini dijalankan untuk menganalisa peranan wakaf dalam pembiayaan pendidikan di Aceh dalam konteks kontemporari. Oleh kerana itu, pengkaji membuat kajian dengan tajuk “Pembiayaan Pendidikan melalui Wakaf di Aceh: Kajian kes di Dayah terpilih di Aceh.”

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Wakaf dalam sejarah Aceh telah memainkan peranan yang penting dalam pembiayaan institusi-institusi pendidikan dayah di seluruh Aceh. Oleh kerana itu, penyelidikan ini mengkaji sejauh mana peranan wakaf dalam melakukan pembiayaan pendidikan dayah di Aceh, dan dapat dirumuskan dalam beberapa rumusan persoalan berikut:

1. Bagaimanakah wakaf dibangunkan di Aceh?
2. Bagaimanakah pembiayaan pendidikan melalui wakaf yang dijalankan di Aceh?
3. Apakah halangan dan solusi dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Matlamat utama dalam kajian ini adalah untuk menjawab tiga soalan utama yang terdapat dalam permasalahan kajian di atas, adalah sebagai berikut:

1. Mengkaji pembangunan wakaf di Aceh.
2. Menganalisa pembiayaan pendidikan melalui wakaf yang dijalankan di Aceh.
3. Menganalisa halangan dan solusi dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini mempunyai kepentingan dan manfaat yang besar, antaranya ia dapat mengetahui konsep harta wakaf yang sebenar di dalam Islam, memperjelaskan sejauhmana pembangunan wakaf di Aceh dari masa ke masa, dapat menganalisa peranan wakaf dalam pembangunan masyarakat Aceh, khasnya peranan wakaf dalam pembangunan institusi pendidikan dayah di Aceh, serta menganalisa halangan dan solusi dalam pembangunan wakaf dalam pembiayaan pendidikan di Aceh. Kajian ini juga menambah khazanah dalam wakaf pendidikan di Indonesia dan Malaysia.

Kajian ini juga penting kepada institusi pentadbiran di Aceh iaitu Baitul Mal Aceh dan Kementerian Agama Provinsi Aceh, kerana ia boleh dijadikan panduan kepada penilaian kerja institusi tersebut dalam pembangunan wakaf selama ini. Kajian ini dapat membantu memperbaiki lagi mutu pengurusan dan perkhidmatan sebagai institusi yang diamanahkan dalam pembangunan wakaf. Kajian-kajian yang berkenaan dengan pembangunan wakaf di Aceh masih kurang, sehingga kajian diperlukan untuk melihat pembangunan wakaf sebenar dalam masyarakat Aceh, khasnya dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh di dayah.

Kajian ini juga dapat mempengaruhi pihak-pihak berwajib yang bertanggungjawab terhadap pembangunan institusi wakaf agar lebih prihatin dan mengambil cakna terhadap keperluan yang perlu diberi perhatian dari semasa ke semasa bagi membantu memperkasakan institusi wakaf memandangkan potensinya yang besar dalam membangunkan ekonomi umat Islam dalam pelbagai aspeknya termasuk pendidikan.

Kajian ini pula dapat menyumbang kepada khazanah ilmu, kerana kajian yang dijalankan menambah lagi maklumat yang sedia ada dalam bidang ini, sama ada dalam konteks Indonesia mahupun Malaysia. Di samping itu, kajian ini pula boleh memberi sumbangan bermanfaat kepada pengkaji-pengkaji berikutnya yang melakukan kajian dalam pembangunan wakaf dalam pembiayaan pendidikan atau bidang-bidang yang berkaitan.

Berdasarkan kajian lepas, kajian ini bertujuan untuk mengisi lompong kajian berkenaan dengan pembiayaan pendidikan melalui wakaf, di mana kajian ini dilaksanakan untuk melihat keadaan sebenar di lapangan sejauhmana wakaf berperanan dalam pembiayaan pendidikan pada masa sekarang ini. Berdasarkan pemerhatian pengkaji kepada kajian-kajian yang telah dijalankan dalam pembangunan wakaf pendidikan masih kurang, sehingga kajian seperti ini diperlukan untuk dijadikan panduan bagi institusi-institusi pendidikan yang lain dalam membangunkan wakaf, kerana kajian ini meliputi halangan dan solusi dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf.

Kesimpulannya, kajian ini membantu dan menyumbang kepada impak praktikal dalam usaha memperkuuhkan institusi wakaf dan seterusnya akan membantu kepada usaha memertabatkan institusi wakaf ke peringkat yang lebih tinggi.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian disertasi dijalankan dengan moetode kualitatif yang terbatas kajiannya di tiga lembaga pendidikan dayah yang dibangun dengan harta wakaf di Aceh. Tiga lembaga pendidikan yang dimaksud iaitu Dayah Darul Ihsan Abu Krueng Kalee di Siem Aceh Besar, Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah di Sibreh Aceh Besar dan Dayah Uswatun

Hasanah Blang Nibong Aceh Utara. Pemilihan tiga dayah tersebut berdasarkan klasifikasi daripada Badan Pembinaaan Pendidikan Dayah (BPPD) Aceh. Klasifikasi dayah terdiri daripada dayah gred A+, A, B, C dan Non-Type. Penilaian ini berdasarkan banyak faktor termasuk jumlah murid, guru juga termasuk kondisi dan jumlah bangunan yang ada dalam dayah tersebut serta kurikulum yang diterapkan di setiap dayah. Pembahagian ini bertujuan untuk memudahkan agihan bantuan daripada Kerajaan Aceh kepada dayah-dayah melalui BPPD.<sup>12</sup> Kajian ini dijalankan hanya melibatkan dayah gred A+ iaitu Dayah Darul Ihsan Abu Krueng Kalee, dayah gred A iaitu Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah, dan dayah gred B iaitu Dayah Uswatun Hasanah. Kajian terhad kepada tiga gred sahaja kerana tiga gred telah memenuhi kriteria sebuah dayah dari segi infrastruktur, kurikulum dan kuantiti pelajar. Sedangkan gred C dan *non-type* belum memenuhi standard sebuah dayah, walaupun namanya juga dayah.<sup>13</sup>

### **1.8 Definisi Tajuk**

Kajian ini bertajuk “Pembentangan Pendidikan melalui Wakaf di Aceh: Kajian Kes di Dayah Tepilih”. Definisi tajuk ialah bahagian yang penting dalam suatu penyelidikan, di mana manfaat daripada pembahasan definisi tajuk ini dapat memberikan sasaran yang tepat dan efektif dalam memetakan pembahasan kajian.

Pembentangan pendidikan adalah usaha pengumpulan wang untuk membentayai kos operasi dan pengembangan aktiviti-aktiviti pendidikan. Tanggung jawab utama kepada pembentangan pendidikan ialah kerajaan.<sup>14</sup> Pendidikan merupakan pelaburan bagi individu dan negara di mana ia mendidik modal insan sehingga memberikan impak

---

<sup>12</sup>Buku Akreditasi Dayah 2012, (Banda Aceh:BPPD, 2012), 20-25.

<sup>13</sup>Ibid.

<sup>14</sup>Indra Bastian, *Akuntansi Pendidikan*, (Jakarta: Erlangga, 2007), 160.

kepada pembangunan ekonomi dan negara. Pembiayaan pendidikan mencakup semua aspek yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pendidikan.<sup>15</sup>

Perkataan “Wakaf” berasal daripada bahasa arab “*Waqf*”, iaitu nama terbitan (*masdar*) daripada kata kerja *waqafa*, ia mempunyai berbagai-bagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri.<sup>16</sup> Wakaf dalam istilah syarak bermaksud suatu bentuk penyerahan harta sama ada secara (*sorih*) terang, atau (*kinayah*) sindiran, di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan untuk tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus. Manakala dalam bahasa Melayu, wakaf didefinisikan sebagai suatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma) atau diuntukkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam.<sup>17</sup>

Kata “dayah” berasal daripada kata “*zawiyah*” daripda bahasa Arab yang bermakna sudut masjid.<sup>18</sup> Pada awal perkembangan Islam di Afrika Utara juga dikenal istilah *zawiyah* yang dimaksud dengan sudut sebuah masjid yang menjadi halaqah sufi, lazimnya mereka berkumpul, bertukar fikiran, diskusi, berzikir dan bermalam di masjid.<sup>19</sup>

A. Halim Tosa dan Kustadi Suhandang memberikan definisi dayah sebagai sebuah institusi Pendidikan Islam tradisional yang secara minimum mempunyai tiga komponen penting, iaitu adanya Teungku Chik (pimpinan), ada murid yang diasramakan dan

---

<sup>15</sup> UNESCO, *Financing Education-Investments and Returns. Analysis of the World Education Indicators Edition 2002 Edition*, (France: UNESCO Publishing, 2002), 5-6.

<sup>16</sup> Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* (Beirut: Dar Sadir, 1990), 9:359. Muhammad Ibn Ya'qub al-Fairuzabadi, *Tartib al-Qamus al-Muhit 'ala Tariqah al-Misbah al-Munir wa asas al-Balaghah* (cet. ke-2, Kaherah: 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah, 1970), 4: 645-646.

<sup>17</sup> Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, 1542.

<sup>18</sup> George Makdisi, *The Rise of College. Institute of Learning in Islam and the West* (Edinburg University Press, 1981), 10.

<sup>19</sup> Yusni Saby, *Opini Publik terhadap Dayah* (Banda Aceh: Persatuan Dayah Insafuddin, 2004), 12

adanya masjid atau surau (*meunasah*) sebagai tempat solat berjamaah serta adanya balai (*balee*) sebagai tempat belajar.<sup>20</sup>

Dayah dalam tajuk ini adalah sebuah nama institusi pendidikan Islam yang sangat terkenal di seluruh Aceh dan ianya telah wujud sejak agama Islam masuk ke Aceh pada abad pertama dan kedua hijriah. Di Indonesia institusi pendidikan tradisional ini lebih dikenal dengan pesantren, sedangkan di Semenanjung Malaysia dan Thailand dinamakan dengan pondok.<sup>21</sup> Perkataan pesantren, pondok dan dayah mempunyai makna yang sama, perbezaan nama bergantung kepada istilah yang telah masyhur di suatu daerah sepetimana penggunaan perkataan dayah di Aceh. Pengkaji memilih perkataan dayah dalam kajian ini kerana perkataan tersebut lebih banyak penggunaannya di Aceh dibandingkan perkataan pesantren walaupun kedua perkataan tersebut merujuk kepada makna sama dengan sedikit perbezaan diantara keduanya.

### **1.9 Kajian Lepas**

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan dalam wakaf, sama ada dari aspek sejarah, undang-undang, ekonomi, pentadbiran dan pengurusan, dan lainnya. Kajian ini menyentuh aspek ekonomi tentang bagaimana mengembangkan harta wakaf secara produktif melalui kaedah pelaburan. Dalam perkara ini, pengkaji melihat kajian-kajian lepas dan mengklasifikasikannya kepada beberapa kategori; iaitu mengenai kepentingan mengembangkan dan membangunkan harta wakaf, konsep dan pelaksanaannya di pelbagai negara-negara Islam, konsep wakaf kontemporari serta peranan wakaf dalam pembangunan pendidikan.

---

<sup>20</sup>A. Halim Tosa dan Kustadi Suhendang, *Dayah (Pesantren) dan pembaharuan Hukum Islam di Aceh* (Darussalam: Banda Aceh, 1990), 17

<sup>21</sup>A. Hasjmy, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam Indonesia* (Bandung: Al-Mu'arif, 1981), 36

### **1.9.1 Kepentingan Mengembangkan dan Membangunkan Harta Wakaf**

Kepentingan mengembangkan dan membangunkan harta wakaf merupakan satu isu yang selalu diperbincangkan oleh beberapa penyelidik, diantaranya:

Muhammad Akram Laldin *et al.*<sup>22</sup> dalam kertas kerja bertajuk “Maqasid Syari’ah dalam Pelaksanaan Wakaf” telah menjelaskan bahawa harta wakaf hendaklah dikembangkan bagi menjamin keberkesanan dan tujuan syariah. Maqasid Syari’ah wakaf adalah untuk kebaikan Islam kerana pada wakaf terdapat harta yang disimpan bagi diambil manfaat untuk yang memerlukan. Disamping itu pula, Islam melarang harta menjadi statik, beku dan tidak berkembang. Oleh sebab itu, harta wakaf penting untuk dilaburkan kerana ia selari dengan maqsad atau kehendak ilahi yang telah mensyariatkan wakaf.

Mustafa Haji Nik Hasan memeberikan,<sup>23</sup> institusi wakaf mempunyai potensi yang besar untuk memberi sokongan dan dorongan kepada pembangunan ekonomi masyarakat. Sebagaimana dijelaskan bahawa terdapat banyak golongan kaya yang mewakafkan hartanya di institusi tersebut. Ia boleh memupuk budaya muafakat dan kerjasama dalam membangun sebuah masyarakat sehingga boleh mencapai kestabilan dan kemantapan ekonomi negara. Dengan demikian, usaha dan kempen untuk menggalakkan umat Islam melibatkan amalan ibadah wakaf perlu ditingkatkan secara intensif.

Di samping itu pula, projek-projek wakaf dan peranan insitusi wakaf perlu ditingkatkan bagi membangunkan potensi harta wakaf. Pengkaji berpendapat bahawa perlu

---

<sup>22</sup> Mohamad Akram Laldin *et al.*, “Maqasid Syari’ah dalam pelaksanaan Wakaf” (kertas kerja dibentangkan pada konvensyen Wakaf Kebangsaan yang diadakan oleh Jabatan Wakaf Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur September 12-14 2006)

<sup>23</sup> Nik Mustafa Haji Nik Hasan, “Sumbangan Institusi Wakaf kepada Pembangunan Ekonomi” dalam Nik Mustapha Hj Nik Hasan, *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*. (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1999), 1-16.

mewujudkan satu jabatan penting bagi merancang, mengurus dan mentadbir harta wakaf. Ketua pegawai yang diberi amanah hendaklah berpendidikan dan berpengalaman yang relevan dengan tugas membangun harta wakaf. Terdapat jawatan kuasa penasihat institusi wakaf daripada ahli-ahli yang berkebolehan, laporan data hendaklah dalam bentuk yang mudah untuk dikaji dan dianalisis dari aspek prestasi aktiviti ekonomi supaya ianya diketahui oleh masyarakat dan perlunya melibatkan institusi kewangan, korporat dan lainnya untuk membangun harta wakaf umat secara produktif.

Mohd Daud Bakar<sup>24</sup> menjelaskan pula bahawa harta wakaf perlu dikembangkan sebab tidak sepatutnya harta tersebut dibiarkan beku tanpa memberi sebarang nilai tambah. Inti ajaran yang terdapat dalam amalan wakaf menghendaki agar harta wakaf tidak terbiar supaya boleh menghasilkan sesuatu. Mengembangkan harta merupakan tugas dan tanggungjawab nazir supaya harta bermanfaat terhadap *mawqūf ‘alayh* dan masyarakat Islam. Apabila hasil harta wakaf banyak mendatangkan manfaat kepada orang, maka akan semakin besar pula pahala yang didapat pewakaf.

Menurut Cizakca<sup>25</sup> sistem wakaf dalam sejarah tamadun Islam memiliki hubungkait dengan ekonomi Islam moden. Menurut beliau, kenyataan sejarah telah menunjukkan bahawa wakaf boleh memberi pelbagai keperluan perkhidmatan masyarakat awam seperti kesihatan, pendidikan dan lainnya tanpa menunggu pembiayaan dari negara. Dalam keadaan ekonomi semasa, wakaf boleh memberi sumbangan kepada pelbagai masalah yang dihadapi, seperti mengurangkan beban belanjawan yang diperlukan negara, mengurangkan dan menghilangkan amalan riba, menjana pendapatan yang lebih

<sup>24</sup> Mohd Daud Bakar, “Amalan Institusi Wakaf di beberapa negara Islam: Kajian Perbandingan”, dalam Mustapha Hj Nik Hassan,ed., “Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia” (Kuala Lumpur: Institut KEFAHAMAN Islam Malaysia, 1999), 155-187.

<sup>25</sup> Murat Cizakca, “Awqaf in history and its implication for modern Islamic Economic”, *Journal of Islamic Economic Studies* 6 no.1 (1998), 43-70

baik, dan menyediakan peluang pekerjaan. Cizakca juga mendapati bahawa terdapat dua kekuatan yang boleh disepadukan dengan wujudnya institusi kewangan Islam dalam praktik ekonomi Islam moden iaitu potensi wakaf tunai dan *mudarabah*. Kekuatan ini boleh mendapatkan tempat dalam perbankan dan kewangan Islam dan kemudian merubah portfolio bank-bank dengan arah yang diinginkan.

### **1.9.2 Konsep Pengembangan Harta Wakaf di Negara-negara Islam**

Pada saat sekarang, terdapat banyak usaha mengembangkan harta wakaf di negara-negara Islam. Diantara kajian-kajian lepas yang mendedahkan tentang konsep pengembangan harta wakaf di negara-negara Islam adalah sebagai berikut;

Syed Khalid Rashid<sup>26</sup>, telah memperbincangkan kaedah pembiayaan Islam yang boleh diamalkan bagi memperkembangkan harta wakaf, khasnya di India. Menurut beliau bahawa pembiayaan dalam Islam hendaklah bebas dari riba, *gharar*, dan lainnya yang tidak sesuai dengan prinsip-prinsip syariah. Di India, terdapat 332,000 wakaf properti dan 150 juta muslim yang selalu berdepan dengan masalah bagi mendapatkan biaya untuk mengembangkan harta wakaf. Meskipun pemerintah telah memberi bantuan namun belum mencapai kejayaannya, kerana jumlah yang diperlukan terlalu besar sehingga berdepan dengan pembiayaan yang berasaskan riba.

Untuk menghindari riba, institusi wakaf yang ingin mengembangkan harta wakaf hendaklah mendapatkan pembiayaan dari bank Islam atau syarikat kewangan Islam. Kajian mendapati bahawa kaedah pembiayaan yang sesuai dengan perkembangan harta wakaf di India adalah pinjaman *mursad*, *hukr*, *istisna'*, *mudarabah*, *musharakah*,

---

<sup>26</sup> Syed Khalid, “Islamic Financing Techniques for the Development of Awqaf: with special reference to India”, *IIUM Law Journal* 10, no.2 (2002), 179-217.

*mushārakah mutanāqisah* dan *mushārakah bond*. Dengan adanya instrumen-instrumen pembiayaan tersebut, maka institusi wakaf boleh membantu kerajaan untuk memberi keperluan Muslim dan kesejahteraan masyarakat.

Menurut Mahmood Zuhdi Abd Majid<sup>27</sup> di Malaysia, pentadbiran harta-harta wakaf diletak dibawah Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Undang-undang di masing-masing negeri telah menetapkan pula bahawa hanya majlis agama negeri berkenaan sahaja yang akan menjadi pemegang amanah wakaf. Terdapat kedudukan yang berbeza-beza antara negeri-negeri di Malaysia dalam aspek pembangunan harta wakaf. Ada yang maju ke depan dan ada yang masih di belakang. Yang berada di hadapan sudah memperkenalkan berbagai inisiatif baru manakala yang di belakang masih dengan cara tradisi. Pada saat ini pembangunan harta wakaf ditumpukan kepada pembinaan bangunan-bangunan bagi tujuan disewakan, seperti rumah-rumah, kedai, pangsapuri dan sebagainya.

Nora binti Mat Rasid<sup>28</sup> dalam kertas projeknya telah menjelaskan tentang potensi harta wakaf yang telah dibangunkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Di Kelantan, MAIK (1996-2000) telah melakukan pembangunan dan pelaburan harta wakaf yang dilakukan sebahagian besar masih bersifat kebajikan dan bukan berbentuk komersial, seperti pembangunan Sekolah Menengah Agama Rakyat Tengku Amalin A`isyah Puteri dan lainnya.

Pada dasarnya, MAIK memiliki banyak harta yang berpotensi untuk dilaburkan namun potensi tersebut belum mampu untuk dikembangkan secara maksimum. Perkara yang

<sup>27</sup> Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid, “Kefahaman Konsep DAN Amalan Wakaf di Malaysia Hari ini” dalam Nik Mustapha Hj Nik Hassan, ed., “Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia” (Kuala Lumpur: Insitut Kefahaman Islam Malaysia, 1999), 17-28.

<sup>28</sup> Nora binti Mat Rasid, “Potensi Pelaburan Harta wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan” (kertas Projek, Fakulti Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi,Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003)

perlu diperhatikan MAIK adalah menyusun semula organisasi pentadbiran harta wakaf dengan cara ala perniagaan, menggunakan alternatif *istibdal* sama ada melalui konsep tukaran belian atau gantian, kadar sewa perlu dinaikkan ke tahap yang berpatutan dengan mengimbangi tujuan utama harta diwakafkan.

Tulisan Abdul Halim dan Kamarul Zaman Sulaiman<sup>29</sup> telah mendedahkan tentang pembangunan harta wakaf berdasarkan pengalaman di negara-negara Islam. Di dalam kertas kerja tersebut dijelaskan bagaimana pengalaman Singapura, Indonesia, Bangladesh, Kuwait, Pakistan, India dan *Islamic Development Bank* dalam membangunkan harta wakaf. Banyak pengalaman daripada pembangunan wakaf di negara-negara berkenaan, ada negara yang sudah maju di hadapan, ada juga negara yang masih terdapat halangan-halangan yang didapati dalam pembangunan wakaf.

### **1.9.3 Konsep Wakaf Kontemporari**

Penulisan mengenai konsep wakaf kontemporari banyak berkisar mengenai perubahan yang dialami dalam menafsirkan konsep wakaf, potensi dan aplikasinya pada hari ini. Konsep wakaf klasik yang sering digunakan dahulu hanyalah ditafsirkan sebagai harta yang tidak mudah alih dan kekal, manakala konsep wakaf pada hari ini telah menggunakan konsep wakaf klasik dan kontemporari, yang telah diperluaskan kepada harta yang mudah alih, misalnya wakaf tunai, wakaf saham dan saham wakaf.

Pengkaji seperti Timur Kuran, Mahmood Zuhdi Abd. Majid, Mohammad Tahir Sabit, dan Abdul Hamid Mar Iman telah menerangkan mengenai perubahan tersebut dan keperluan kepada perubahan tersebut dalam memperkasakan institusi wakaf dengan

---

<sup>29</sup> Abdul Halim dan kamarul zaman Sulaiman , “Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-negara Islam” (kertas kerja dibentangkan pada konvensyen Wakaf Kebangsaan yang diadakan oleh Jabatan Wakaf Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur September 12-14 2006)

mengoptimumkan penggunaannya, memperkembangkan ekonomi masyarakat Islam disamping dapat menjalankan aktiviti sosial yang berbentuk kebajikan ummah. Selain itu, dapat menggalakkan lebih ramai lagi orang awam untuk turut serta dalam amalan berwakaf ini.<sup>30</sup>

Antara bentuk wakaf kontemporari yang ada pada hari ini misalnya, saham wakaf, wakaf saham dan wakaf tunai. Konsep wakaf kontemporari turut diaplikasikan di Malaysia. Saham wakaf dan wakaf saham misalnya telah ditawarkan oleh institusi-institusi wakaf di Malaysia yang melibatkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Johor Corporation dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dengan modus operandi yang berbeza.<sup>31</sup> Wakaf jenis ini sebenarnya telah lama dipelopori pada zaman Khalifah Uthmāniyah dan antara kajian yang menceritakan tentang kegemilangan wakaf tunai adalah Cengiz Toraman & Berdiye Tuncsiper, Jon E. Mandaville dan Murat Cizacka. Dalam kajian mereka mendapati wakaf tunai ini telah berjaya meringankan kerajaan Uthāmniyyah dengan membiayai pelbagai kemudahan asas untuk masyarakat daripada aspek keagamaan, pendidikan, kesihatan dan juga kebajikan masyarakat setempat sehingga mengangkat martabat wakaf sebagai aset penting pembangunan masyarakat pada masa itu.<sup>32</sup>

---

<sup>30</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, "Kefahaman Konsep dan Amalan Wakaf di Malaysia hari ini" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia bil. 2, (1999), 17-28; Mohammad tahir Sabit dan Abdul Hamid Mar Iman (2006), "Obstacles of the Current Concept of Waqf to the Development of Waqf Properties and the recommended Alternative." *Malaysian Journal of Real Estate*. 1 (1), h. 1-95; Timur Kur'an (2001), "The Provision of Public Goods Under Islamic Law: Origins, Impact, And Limitations of Waqf System", *Law & Society*, 35 (4), h. 841-897.

<sup>31</sup> Siti Mashitoh Mahmood et al., "Konsep dan Aplikasi Produk Wakaf Kontemporari di Malaysia: Saham Wakaf dan Wakaf Saham", (Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009 (SEIPK '09), di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, pada 10-11 Februari 2009), 16

<sup>32</sup>Cengiz Toraman & Berdiye Tuncsiper (2007), "Cash Awqaf in the Ottoman as Philanthropic Foundations and their Accounting Practices", h. 1-19 (kertas kerja yang dibentangkan dalam the Fifth Accounting History International Conference, Banff, Alberta, Canada, 9-11 Ogos 2007), lihat

Manakala daripada perspektif fiqh, Siti Mashitoh Mahamood dalam kajiannya mengenai pembentukan dana wakaf iaitu wakaf tunai yang disumbangkan secara kolektif, telah menyimpulkan bahawa harta yang boleh dialih adalah antara harta yang boleh diwakafkan menurut perspektif Syariah asalkan harta tersebut boleh digunakan atau dimanfaatkan secara berterusan ataupun berulangkali.<sup>33</sup> Shofian Ahmad menyatakan wang tunai dianggap sebagai harta berbentuk manfaat yang dijadikan sebagai medium pertukaran bagi mendapatkan harta lain atau manfaat lain yang bersifat kekal.<sup>34</sup> Monzer Kahf juga telah menekankan aspek ini agar sifat wakaf itu sendiri sebagai *ṣadaqah jāriyyah* iaitu sedekah yang sentiasa mengalir dapat dicapai dan dipelihara.<sup>35</sup>

#### **1.9.4 Peranan Wakaf terhadap Masyarakat Islam**

Peranan wakaf dalam masyarakat Islam dapat dibahagikan dalam kepada beberapa aspek utama, iaitu aspek pembangunan pendidikan dan kerohanian, aspek pembangunan ekonomi dan aspek kebajikan. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga aspek tersebut saling berhubung antara sama dengan yang lain dalam memberikan impak yang positif terhadap pembangunan masyarakat Islam setempat. Pertama, kajian lepas yang berkaitan peranan wakaf dalam aspek pembangunan pendidikan dan kerohanian,

---

[http://www.mufad.org/index.php?option=com\\_docman&task=doc\\_download&gid=49&Itemid=100AA](http://www.mufad.org/index.php?option=com_docman&task=doc_download&gid=49&Itemid=100AA), 15 Julai 2010; Jon E. Mandaville (1979), “Usurious Piety: The Cash Waqf Controversy in Ottoman Empire”, *International Journal of Middle East Studies*, Cambridge University Press, Vol. 10, No. 3, Ogos 1979, h. 289-308, Murat Cizakca (2004), “Ottoman Cash Waqf Revisited: The Case of Bursa 1555-1823”, *Foundation for Science Technology and Civilisation*, United Kingdom: Foundation for Science Technology and Civilisation Limited, Jun 2004, h. 1-20; Murat Cizacka (1998), “Awqaf in History and Its Implications for Modern Islamic Economies”, *Islamic Economic Studies*, Vol. 6 (1), November 1998, h. 43-70

<sup>33</sup> Siti Mashitoh Mahamood, “Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-undang serta Aplikasinya di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 15, no 2, (2007), 61-83.

<sup>34</sup> Shofian Ahmad, “Wakaf Tunai: Peranan dan Keistimewaannya dalam Sistem Ekonomi Islam”, Prosiding Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka. Wasiat dan Wakaf” pada 18-19 Oktober 2008, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bil. 17, (2008), 317-324.

<sup>35</sup> Monzer Kahf, “Towards The Revival of Awqaf: A few Fiqh Issues to Reconsider”, (Kertas kerja dibentangkan dalam Harvard Forum on Islamic Finance and Economic, USA: Harvard University, 1 Oktober 1999).

antaranya Ahmad Zaki Ibrahim, Wan Ariffin Wan Yon *et.el*, Narsiah Sulaiman dan Farahdina Abdul Manaf dalam kajian lepas mereka telah mengungkap kembali sejarah institusi wakaf yang berjaya pada zaman kegemilangan Islam dahulu, sehingga dapat menjadikan harta wakaf sebagai sumber pembiayaan pembangunan terutamanya dalam bidang pendidikan dan penyelidikan yang telah menjadikan masjid dan madrasah sebagai institusi pendidikan selain digunakan untuk aktiviti keagamaan lainnya. Ahmad Zaki Abd Latiff juga mengemukakan beberapa contoh pusat pengajian yang masih ada sekarang ini yang telah melahirkan ribuan ulama' terkenal dan tersohor di seluruh dunia, hasil dari pembiayaan harta wakaf. Diantaranya ialah Universiti Cordova di Andalusia, al-Azhar di Mesir, Madrasah *Nizamiyah* Baghdad, Universiti Islam Indonesia, Pondok Pesantren Darunnajah di Indonesia, Madrasah Al-Juneid di Singapura, *al-Jāmiah al-Islāmiyah* di Madinah dan lain-lainnya.<sup>36</sup>

Manakala dari aspek pembangunan ekonomi, antara penulisan yang memfokuskan padanya diantaranya Nik Mustapha Nik Hassan dan Asmak Ab Rahman yang menyingkap sumbangan institusi wakaf yang telah berjaya menggerakkan kegiatan ekonomi masyarakat setempat, menerusi penyediaan premis perniagaan dan bangunan komersil di atas tanah wakaf, umat Islam berpeluang mendapatkan kadar sewa yang lebih berpatutan, memperkembangkan perniagaan bumiputera dan mengurangkan pergantungan kepada sumber kewangan yang lain. Bahkan masjlis agama Islam negeri sendiri akan berjaya mendapatkan pulangan pendapatan daripadanya sepetimana yang

---

<sup>36</sup> Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail, "Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia", *Jurnal Pengurusan*, Putrajaya: jabatan Wakaf, zakat, dan haji (JAWHAR), Jil. 2, 2 (2), (2008), 25-62.

dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor, Pulau Pinang, Selangor, dan Wilayah Persekutuan.<sup>37</sup>

Selain itu, penulisan yang menekankan mengenai peranan wakaf yang menyumbang kepada aspek kebajikan masyarakat Islam khasnya kerana sifatnya sebagai institusi kebajikan yang bukan bermatlamatkan keuntungan. Monzer Kahf, Asming Yalawae dan Izah Mohd Tahir, dan Birol Baskan menyatakan bahawa pada zaman khilafah ‘Uthmāniyyah, wakaf sudah menjadi salah satu sumber pendapatan negara Islam yang digunakan untuk mengagih kekayaan dan merapatkan jurang antara yang kaya dan yang miskin menerusi peranannya dalam menurunkan cukai, membantu golongan hamba dan turut menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada golongan susah.<sup>38</sup> Mustopha Mahmud juga menyebut bahawa wakaf mampu membantu golongan susah untuk memenuhi keperluan asas mereka dan memastikan *had kifāyah* masyarakat dipenuhi melalui perkhidmatan dan bantuan yang disediakan.<sup>39</sup>

Pada zaman ini pula, kita dapat menyaksikan institusi-institusi wakaf yang telah tumbuh gemilang dalam mencapai tujuan asalnya, misalnya di Singapura, Shamsiah Abdul Karim menyatakan bahawa hasil daripada wakaf tunai yang dijalankan oleh Majlis

---

<sup>37</sup> Asmak Ab Rahman “Peranan wakaf dalam Pembangunan ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia”, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1, Januari-April 2009, (2009), 113-152 (kertas kerja dibentangkan di international Conference Islamic Economic and Social Justice: Reinforcing Equity for the Common Well-Being di Indonesia pada 24-27 Julai 2008). Nik Mustafa Haji Nik Hasan, “*Sumbangan Institusi Wakaf kepada Pembangunan Ekonomi*” dalam Nik Mustapha Hj Nik Hasan, *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*. (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1999), 1-16.

<sup>38</sup> Monzer Kahf, “The Role of Waqf in Improving the Ummah Welfare”, (Kertas kerja dalam international seminar on “Waqf As A Private Legal Body”, anjuran the Islamic University of North Sumatera, Medan, Indonesia, 6-7 Januari 2003”), Asming Yalawae & Izah Mohd Tahir (t.t), “The Role of Islamic Achieving Equality and Human Development: Waqf or Endowment”, *lihat* <http://www.capabilityapproach.com/pubs/Aming%20Yalawae,20and%20Izah%20TahirWaqfAsmeng.pdf> f,10 jun 2010; Birol Baskan (2002), “Waqf System As A Redistrbution Mechanism In Ottaman Empire”. *NothwesternUniversity: Department of Political Science*, April 2002, h. 1-25

<sup>39</sup> Mustopha Mahmud, “Taf’il Daur al-Waqf fi al-Waton al-Arabi”, *Majalah Jami’ah al-Malik ‘Abd Aziz: al-Iqtisod al-Islami*. vol. 20, no.1, (2007), 37-62.

Ugama Islam Singapura, 90 peratus telah diperuntukkan untuk urusan kebajikan di Singapura sendiri, manakala selebihnya diperuntukkan untuk negara luar seperti Indonesia, India dan Arab Saudi. Sehingga kini, jelasnya lagi, MUIS telah berjaya membina 29 masjid, disamping menghulurkan sumbangan untuk membantu madrasah, kemiskinan, pengebumian dan kebajikan lain.<sup>40</sup>

Manakala di Indonesia pula, walaupun aktiviti wakaf disana masih lagi tidak meluas namun sebahagian tempat dapat dilihat keberkesanan harta wakaf dalam membantu pembangunan ekonomi masyarakat setempat. Ini berdasarkan kajian yang dilakukan oleh M. Jandra Moh. Janan yang mendapati wakaf produktif berperanan menyumbang dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat muslim di Indonesia dari segi taraf pendidikan, kesihatan, dan taraf ekonomi di kawasan tersebut. Sumbangan telah diberikan sama ada dalam bentuk wang tunai, penyediaan ubat-ubatan dan kemudahan pembelajaran secara percuma di Lembaga Pengembangan Insani (LPI) dan pemeriksaan secara percuma di Layanan Kesehatan Cuma-Cuma (LKC).<sup>41</sup>

Merujuk kepada kajian Abdul Halim Ramli dan Kamaruzzaman Sulaiman mereka telah menyatakan bahawa Kejayaan sesebuah negara membangunkan potensi wakafnya, kerana peranan yang dimainkan oleh badan/yayasan atau lembaga akaf/mutawalli/nazir yang diberikan perhatian khusus kepada aktiviti-aktiviti dan program-program pembangunan harta wakaf". Maka dengan itu, dapat disimpulkan disini menjadi tanggungjawab untuk berusaha dengan lebih gigih dalam mengendalikan harta wakaf, di samping perhatian, kerjasama yang padu dan sumbangan daripada semua pihak untuk

<sup>40</sup>Shamsiah Abdul Karim (2006), "Pengalaman Majlis Agama Islam Singapura Dalam Pengurusan Harta Wakaf" (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006).

<sup>41</sup> M. Jandra Moh. Janan, "Memproduktifkan Wakaf: pengalaman di Indonesia", *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf* pada 18-19 Oktober 2008, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bil. 24, (2008), 419-452

mengangkat martabat institusi wakaf ke arah yang lebih cemerlang, agar faedah ekonominya dapat dinikmati oleh semua masyarakat Islam lainnya.<sup>42</sup>

### **1.9.5 Peranan Wakaf dalam Pembangunan Pendidikan**

Program wakaf amat luas dan tidak terbatas kepada projek “keagamaan” semata-mata tetapi meluas kepada apa-apa aktiviti yang menepati amal yang soleh dan berkepentingan awam. Boleh disimpulkan bahawa aktiviti baik yang berterusan dan mendatangkan manfaat kepada pihak lain adalah dalam ruang lingkup wakaf atau sadaqah jariah. Salah satu aktiviti wakaf ialah yang berhubung kait dengan program pendidikan ilmu yang bermanfaat dan diamalkan.

Syed Mohd. Ghazali Wafa Bin Syed Adwam Wafa<sup>43</sup> menjelaskan bahawa kebanyakan sekolah di Malaysia telah mendapat bantuan dari kerajaan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti sekolah, terutama sekolah-sekolah kerajaan. Bagi sekolah-sekolah swasta yang menawarkan kurikulum elit dan mengenakan yuran yang tinggi, mungkin sumber kewangan mereka adalah kukuh. Namun bagi majoriti sekolah, terutama yang menawarkan kurikulum aliran agama Islam, keperluan kewangan merupakan diantara agenda yang besar bagi pentadbiran sekolah.

Dalam konteks pendidikan sekolah, amalan kaedah wakaf dapat memenuhi tiga keperluan utama, iaitu pembangunan sekolah dan kemudahannya, menampung kos operasi, dan aktiviti kecemerlangan akademik, sahsiah dan kepimpinan. Secara tradisinya usaha bagi mendapatkan dana pembangunan adalah daripada peruntukan

---

<sup>42</sup> Abdul Halim Ramli dan Kamarulzaman Sulaiman, “Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-Negara Islam”, (kertas kerja konvensyen wakaf kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

<sup>43</sup> Syed Mohd. Ghazali Wafa Bin Syed Adwam Wafa, “Development Of Waqfs For Education In Malaysia”, (kertas kerja pada *Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*, Bangi 2010), 138-153.

kerajaan atau daripada sumbangan awam melalui kaedah wakaf. Bagi sekolah yang mendapat bantuan kerajaan, bantuan ini akan meliputi kos operasi juga. Bagi sekolah lain, sumber kewangan yang utama datang daripada pelbagai yuran dan usaha mendapatkan sumbangan dan derma. Dana yang terkumpul ini tidak menggunakan kaedah wakaf dan dana ini terus dibelanjakan. Melalui kaedah pengumpulan dana berbentuk derma ini adakah berjaya mengumpul nilai yang besar dan adakah tidak. Maka ‘model’ penjanaan dana ini tidak stabil. Islam sangat menggalakkan umatnya berinfak tetapi perlu ada kebijaksanaan di dalam memilih kaedah-kaedah yang dapat menjamin kestabilan jangka panjang. Dalam jangka panjang, kaedah wakaf di lihat amat relevan dan bersesuaian.<sup>44</sup>

Kajian oleh Razali Othman<sup>45</sup> mengatakan bahawa Kemuncak pada gagasan wakaf adalah pada zaman Khilafah Uthmaniyyah, menyingkapkan kehebatan amalan Wakaf seperti berikut:

*“Seseorang dilahirkan dalam rumah yang diwakafkan, tidur dalam buaian yang diwakafkan, membaca buku-buku yang diwakafkan, mengajar dalam sekolah yang diwakafkan, menerima gaji dari pentadbiran Wakaf, dan akhirnya bila ia mati kelak, urusan jenazahnya adalah atas pentadbiran Wakaf dan ia dikuburkan dalam tanah perkuburan Wakaf.”<sup>46</sup>*

Amalan berlumba-lumba dalam wakaf seperti kemudahan kesihatan, kemudahan awam, kemudahan pendidikan, kemudahan ibadat khusus dan lain-lain kemudahan untuk kepentingan awam. Yang cantiknya ialah bahawa semua kemudahan diatas dibangunkan, diselenggarakan dan dikembangkan berasaskan konsep Wakaf. seperti

---

<sup>44</sup>Ibid.

<sup>45</sup> Razali Othman , *The Influences of Colonisation On The Perception and Practices of Wakaf*. *Jurnal IKIM*, vol. 12, no. 1, (Kuala Lumpur, 2004), Rohayu Abdul Ghani dan Razali Othman, “Kuasa Barat dan Implikasinya terhadap Pengurusan Institusi Wakaf, *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, (2010), 1-24..

<sup>46</sup> B. Yedydiz, “Place of the Waqf in Turkish Cultural System” (Istanbul: The Foundation of Turkey, 1996), 3.

Turki, Algeria, Tunisia dan Mesir. Keperluan kewangan Insititusi Pendidikan Agung Al-Azhar di Mesir dikendalikan sepenuhnya melalui kaedah wakaf.<sup>47</sup>

Konsep wakaf telah diperkembangkan oleh masyarakat Barat melalui “*Endowment*.<sup>48</sup>” Pembangunan institusi pendidikan seperti Harvard, Oxford dan Cambridge telah dilakukan melalui konsep Wakaf. Laporan “The SuttonTrust Report (2003)” menyatakan: “the way forward is through endowment. Laporan itu menyatakan bahawa *endowment* boleh digunakan untuk pelaburan kepada kemudahan-kemudahan baru, pembiayaan penyelidikan dan memberikan biasiswa.

Kajian oleh Razali Othman<sup>49</sup> juga melaporkan bahawa pada tahun 2003, sepuluh universiti terbesar di Amerika Syarikat dan United Kingdom di mana masing-masing mempunyai dana *endowment* berjumlah USD74.24 billion dan USD7.268 billion. Dalam tahun 2003 juga dana *endowment* di Oxford dan Cambridge masing-masing bernilai USD3.2 billion. Melalui satu rencana di Internet, dilaporkan dalam tahun 2008, dana *endowment* di Harvard sendiri berjumlah USD36.9 billion yang terdiri daripada 11,000 dana berasingan. Secara keseluruhannya, ketika menjelang tahun 2000, dana *endowment* pelbagai sektor di Barat telah mencecah nilai USD2 trillion dengan hasil pendapatan yang melebihi USD700 billion.

Pada zaman pertengahan, menurut Stilman<sup>49</sup> sebahagian besar daripada kebajikan dan perkhidmatan sosial dalam dunia Islam disumbangkan melalui wakaf. Menurut beliau lagi, setiap orang pada zaman tersebut mendapat manfaat daripada sumber wakaf baik secara langsung atau tidak langsung.

<sup>47</sup> Daniel Crecelius, “The Organization of Waqf Documents in Cairo”, *International Journal of Middle East Studies*, vol. 2, no. 3 (Jul., 1971), 266-277.

<sup>48</sup> Razali Othman (2004), “*The Influences of Colonisation*,”, 1-24.

<sup>49</sup> A.N.Stillman, “Charity and Social Service in Medieval Islam”, *Societas-A Review of Social History*, Vol. 5, No. 2 (1975).

Menurut Gabriel Baer<sup>50</sup>, angka-angka di bawah membuktikan besarnya amalan, institusi, organisasi dan kemudahan-kemudahan prasarana yang dibangunkan dengan menggunakan harta wakaf:

- (1) tiga perempat (3/4) keluasan Tanah Arab di zaman empayar Uthmaniyyah merupakan tanah wakaf;
- (2) separuh (1/2) daripada tanah di Algeria merupakan tanah wakaf pada pertengahan abad kesembilan belas;
- (3) Satu pertiga (1/3) keluasan tanah di Tunisia merupakan tanah wakaf pada pertengahan abad kesembilan belas;
- (4) Satu perlapan (1/8) tanah di Mesir merupakan tanah wakaf pada pertengahan abad kesembilan belas;
- (5) Pelopor kepada pembinaan hospital moden seperti hospital *al-Nūri*, al-Adūdi, *al-Fustat*, al-Manṣūri, *al-Qayrawān* dan *Divrigi* yang berdasarkan kepada prinsip *egalitarian*, pemisahan antara pesakit lelaki dan wanita, keindahan dan keharmonian dan penggunaan muzik sebagai kaedah penyembuhan penyakit;
- (6) Pelopor kepada pembinaan kawasan-kawasan rehat yang dikenali dengan *caravanserai* bagi membantu musafir;
- (7) Pembinaan ratusan *imaret* atau pusat penyediaan makanan yang diberikan secara percuma kepada orang-orang miskin dan yang memerlukannya;
- (8) Pembinaan ribuan buah sekolah, perpustakaan, kolej perubatan dan universiti di negara Timur Tengah, Turki, Jerusselam, Cyprus, Cecennestan dan Azerbaijan;
- (9) Pembinaan ribuan buah madrasah dan masjid di seluruh dunia Islam.

---

<sup>50</sup> Gabriel Baer, “The Waqf as a Prop for the Social System (Sixteenth-Twentieth Centuries)”, *Islamic Law and Society*, Vol. 4, No. 3, Islamic Law and Society (1997), 264-297

Malah, mereka turut mewakafkan harta untuk mendirikan hospital bagi merawat haiwan yang sakit serta memberi makan kepada anjing-anjing yang berkeliaran. Jika mereka begitu teliti dalam memerhatikan kesejahteraan haiwan-haiwan terbiar, bagaimana pula agaknya perkhidmatan mereka terhadap manusia selaku makhluk yang dimuliakan?

## **1.10 Metodologi Kajian**

Penyelidikan ini menggunakan metode kualitatif iaitu untuk menggambarkan hasil kajian lapangan berkenaan dengan pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh. Hal ini sesuai dengan jenis penyelidikan yang dikaji oleh pengkaji sebagai kajian kes iaitu penyelidikan lapangan yang merangkumi pengumpulan dan penafsiran data daripada isu-isu, peristiwa-peristiwa dan fakta-fakta yang diperoleh di lokasi penyelidikan.

### **1.10.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini melibatkan data primer yang diperolehi melalui kaedah temu bual dan data sekunder yang diperolehi melalui kaedah dokumentasi.

#### **(a) Dokumentasi**

Kaedah pengumpulan data melalui dokumentasi melibatkan perpustakaan dan lapangan. Perpusatakaan menjadi rujukan pengkaji dalam mengumpulkan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini, di mana maklumat tersebut didapati dari buku-buku , jurnal, disertasi, laman web dan bahan-bahan tertulis lainnya yang berkaitan dengan wakaf, pembangunan wakaf dan pembiayaan melalui wakaf. Data yang diperolehi pengkaji melalui perpustakaan untuk penulisan Bab 1, Bab 2 dan sebahagian Bab 3.

Data-data tersebut adalah meliputi kajian lepas, metodologi, konsep wakaf, dan perkembangan wakaf.

Selain daripada kajian perpustakaan, pengkaji juga mengumpulkan data melalui kaedah dokumentasi yang melibatkan kajian terhadap data-data yang diperolehi di lapangan, antaranya data yang diperolehi daripada Baitul Mal Aceh seperti jurnal, Kementerian Agama Provinsi seperti bahan-bahan seminar wakaf, dan di dayah-dayah berkenaan seperti profil dayah. Data-data tersebut bertujuan untuk kepentingan penulisan Bab 3 dan Bab 4 yang meliputi pembangunan wakaf di Aceh, pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh, profil dayah dan halangan dan solusi dalam pembiayaan pendidikan melalaui wakaf di Aceh.

(b) Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan data utama dalam kajian ini untuk mencapai objektif yang telah digariskan oleh pengkaji, iaitu menganalisa pembangunan wakaf di Aceh, pembiayaan pendidikan melalui wakaf, serta halangan dan solusi dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh, di mana semua maklumat tersebut adalah untuk penulisan Bab 3 dan Bab 4.

Teknik pemilihan responden dalam kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan keterangan secara lisan yang spesifik daripada responden. Hasil yang diperolehi daripada sesi temu bual tersebut dapat memberikan manfaat dan kefahaman yang mendalam<sup>51</sup> tentang pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh. Adapun temu bual yang dilaksanakan oleh pengkaji dengan

---

<sup>51</sup> Josep, A. Maxwell, *Qualitatif Research: Design An Interview Approach*,(California: Saga publication, 1996), 81-83 dan Jane F. Gilgun (ed.), *Qualitative Methods in Family Research*, (London: Saga Publication,1996), 43-45.

responden-responden melibatkan interaksi bersemuka (*face-to face*), melalui percakapan telefon dan media sosial (*We Chat*). Temu bual ini telah dijalankan dalam tempoh masa tiga bulan sejak 4 Oktober 2013 hingga 4 Januari 2014.

Dalam melakukan temu bual, pengkaji menggariskan dua kriteria untuk memilih responden berdasarkan persampelan bertujuan, iaitu *pertama* temu bual dilakukan dengan pihak yang dapat menyalurkan maklumat berkenaan dengan pembangunan di Aceh daripada sudut pentadbiran dan pengurusan, di mana pihak yang mempunyai autoriti dalam hal ini adalah pihak Baitul Mal Aceh dan Kementerian Agama Provinsi Aceh.

Temu bual dengan pihak pengurus BMA (Baitul Mal Aceh) dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang kewujudan BMA sebagai institusi pentadbir harta agama yang di dalamnya termasuk wakaf. Tugasan pentadbiran ini diamanahkan oleh qanun No. 10 tahun 2007. Selain itu, ia dilakukan untuk memperolehi maklumat perkembangan pembangunan wakaf di Aceh serta peranan yang dimainkan oleh BMA dalam hal pembangunan harta wakaf di Aceh, serta halangan-halangan yang dihadapi oleh institusi ini dalam menjalankan tugasannya.

Pengkaji juga melakukan temu bual dengan pihak Kementerian Agama Provinsi Aceh. Temubual ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara menyeluruh kepada gambaran wakaf di Aceh, kerana selain Baitul Mal Aceh, Kementerian Agama juga mempunyai rekod sebagai pentadbir harta wakaf di Aceh, terdapat banyak maklumat dan data penting mengenai wakaf di institusi ini. Institusi ini menjalankan tugas mentadbir wakaf berdasarkan amanah undang-undang wakaf Republik Indonesia.

Berikut adalah responden-responden temu bual yang memenuhi kriteria pertama iaitu pihak institusi pentadbiran dan pengurusan wakaf di Aceh:

- i. Dr. Armiadi Musa, Ketua Baitul Mal Aceh. Temu bual dilakukan melalui telefon pada pukul 2.00 petang, bertarikh 4 Januari 2014.
- ii. Encik Sayed Muhammad Husen, Pegawai Pentadbiran Baitul Mal Aceh. Temu bual telah dijalankan di ibu pejabat Baitul Mal yang beralamat di jalan Teuku Nyak Arif Komplek Keistimewaan Banda Aceh pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 4 Oktober 2013.
- iii. Tuan Haji Ibnu Sa'dan Ibrahim, Ketua Kementerian Agama Provinsi Aceh. Temu bual telah dijalankan melalui aplikasi *We Chat* pada pukul 3.00 petang, bertarikh 2 Januari 2014.
- iv. Teungku Mukzi Abdullah, Ketua Bahagian Pentadbiran Wakaf di Kementerian Agama Provinsi Aceh. Temu bual telah dilaksanakan di ibu pejabat yang beralamat di Jalan Tgk. Abu Lam U No. 9 Banda Aceh pada pukul 15.00 petang, bertarikh 12 Oktober 2013.

Kriteria *kedua*, temu bual dilakukan dengan pihak yang dapat menyalurkan informasi berkenaan dengan pembangunan wakaf dan pembiayaan pendidikan melalui wakaf di dayah terpilih, di mana pihak yang mempunyai autoriti dalam hal ini adalah pihak dayah terpilih. Untuk kepentingan ini pengkaji melakukan temu bual dengan pihak pengurus dayah, iaitu Dayah Darul Ihsan Abu Krueng Kalee, Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah, dan Dayah Uswatun Hasanah. Temu bual dengan pengurus dari tiga dayah merupakan inti daripada kajian ini. Maklumat yang diperolehi dari temu bual ini ialah profil bagi setiap dayah, segala maklumat yang ada hubung kait dengan wakaf dan dayah serta

maklumat sejauhmana wakaf telah memainkan peranan dalam pembiayaan pendidikan di institusi dayah.

Berikut adalah responden-responden temu bual yang memenuhi kriteria kedua iaitu pihak pihak dayah terpilih di Aceh:

- i. Teungku Muhammad Faisal Sanusi, Pimpinan Dayah Darul Ihsan Tgk Hasan Krueng Kalee. Temu bual telah dijalankan di ibu pejabat dayah di Siem Aceh Besar pada pukul 15.30 petang, bertarikh 12 Oktober 2013.
- ii. Teungku Faisal Ali, Pimpinan Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah Sibreh Aceh Besar. Temu bual telah dijalankan melalui telefon pada pukul 11.20 pagi, bertarikh 15 Oktober 2013.
- iii. Encik Muslim Hamdani, Pegawai pentadbiran Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah. Temu bual telah dijalankan melalui telefon pada pukul 14.00 petang, bertarikh 14 Oktober 2013.
- iv. Teungku Haji Cut Malem, Pimpinan *Dayah* Uswatun Hasanah Blang Nibong. Temu bual telah dijalankan melalui telefon pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 24 Oktober 2013.

Secara umumnya, terdapat tiga jenis teknik temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.<sup>52</sup> Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan temu bual separa berstruktur (*semi-structured*), di mana pengkaji menyediakan soalan-soalan utama, soalan susulan berdasarkan kepada jawapan responden sebagaimana dalam lampiran B dan C. Temu bual separa berstruktur bersifat

---

<sup>52</sup> Merriem, S.B, *Qualitative Research and Case Study Application in Education*, (San Francisco: Jossey Bass, 1998), 145.

fleksibel sehingga membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada pengkaji.

### **1.10.2 Kaedah Analisis Data**

Untuk mempermudahkan pembahasan dalam rumusan masalah di atas, pengkaji melakukan analisis data dalam penyelidikan ini dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan (*content analysis*). Analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian kualitatif.<sup>53</sup> Analisis kandungan digunakan untuk mengenalpasti konsep, tema dan makna. Analisis kandungan adalah penting untuk menjanakan kategori yang melibatkan pelbagai tema, di mana ia dilakukan kemudian selepas proses pengumpulan data.

Kaedah tersebut dilaksanakan bagi menggambarkan keadaan sebenar perkembangan wakaf di Aceh dan bagi memberikan gambaran utuh tentang pembiayaan pendidikan melalui wakaf di dayah-dayah terpilih di Aceh.

Dalam konteks kajian ini, analisis kandungan dilakukan dengan cara mengenalpasti semua data temu bual daripada responden-responden yang memenuhi kriteria, dan data dokumentasi perpustakaan dan lapangan. Data-data yang telah dikenalpasti dikumpulkan berdasarkan tema berkaitan seperti pembangunan wakaf, aspek-aspek pembiayaan pendidikan melalui wakaf, halangan dan solusi dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh. Kemudian pengkaji melakukan semakan kembali terhadap data-data yang terkumpul di bawah setiap tema dan seterusnya menganalisa data tersebut berdasarkan konsep kajian yang telah digariskan. Dapatan yang terhasil dimuatkan dalam bab-bab berkaitan bagi menjawab objektif dan persoalan kajian.

---

<sup>53</sup> Abrahamson, M, *Social Research Methods*, (Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall, 1983), 286.

## **1.10 Pecahan Bab**

Pecahan bab yang dipaparkan dalam penulisan ini secara garis besar terdiri dari lima bab, dimulai dari bab pendahuluan yang dimulakan dengan menjelaskan pengenalan kajian ini. Kemudian dilanjutkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, ulasan kajian lepas, metodologi kajian dan pecahan bab.

Bab dua, pengkaji membincangkan ulasan umum tentang wakaf, dasar-dasar hukum wakaf, kedudukan amalan wakaf dalam Islam, penjelasan tentang bentuk-bentuk perwakafan, rukun wakaf dan syarat-syaratnya, perkembangan institusi wakaf dalam sejarah peradaban Islam yang mengandungi era kemerosotan institusi wakaf, penjajahan Perancis keatas Algeria dan Maghrib, Keruntuhan kerajaan Uthmaniyyah serta implikasi Institusi wakaf keatas dunia Islam, Dasar penjajahan British dan implikasi keatas Institusi wakaf, konsep *istibdal*, pembiayaan pendidikan melalui wakaf, dan peranan wakaf dalam pembiayaan pendidikan dan kesimpulan.

Bab tiga, pengkaji menghuraikan tentang perkembangan wakaf di Indonesia dari sisi perundungan dan potensi wakaf di Indonesia, pembangunan harta wakaf di Aceh yang dimulakan dengan latar belakang wilayah Aceh, pembangunan wakaf di Aceh dilihat dari aspek potensi, dan perundungan serta institusi pentadbiran wakaf, peranan institusi pentadbiran wakaf di Aceh iaitu Baitul Mal Aceh dan Kanwil Kementerian Agama Provinsi Aceh, dan kesimpulan.

Bab empat, merupakan bab penentu dalam penulisan disertasi ini iaitu berupa analisis kepada pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh: kajian kes di Dayah terpilih

dayah terpilih. Bermula dengan pengenalan, sejarah pembangunan institusi pendidikan dayah di Aceh, profil dayah yang merangkumi tiga institusi dayah sebagai tempat kajian dilaksanakan, analisis pembiayaan pendidikan melalui wakaf, analisis halangan pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh dan kesimpulan.

Bab lima, merupakan kesimpulan daripada keseluruhan pembahasan dalam kajian ini iaitu berkisar kesimpulan dan cadangan yang dapat dikesan melalui kajian pada bab-bab yang lepas. Matlamatnya untuk membuat kesimpulan bagi mengetahui sejauhmana pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh: kajian kes di Dayah terpilih. Di samping itu memberikan cadangan-cadangan yang dianggap berguna ke arah pembangunan wakaf yang lebih baik di masa-masa hadapan.